



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA
BERHATI-HATI DI JALAN RAYA
INGATLAH ORANG TERSAYANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT

23 MAC 2019 (SABTU)

10.00 PAGI

AUTOCITY, PULAU PINANG

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Encik Lee Kah Chye
CEO Lee Ting San Group Of Companies

Yang Dihormati Wakil daripada Junior Chamber International (JCI)

Yang Dihormati Ms. Shawn
Syarikat Autocity

Yang Dihormati Puan Thurkah Thevi a/p N. Munusamy
Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia

Yang Dihormati wakil daripada Majlis Pengangkutan Negeri Pulau Pinang

Ketua-Ketua atau wakil-wakil Agensi Kerajaan

Ketua-Ketua Syarikat Swasta atau wakil

Penaja-penaja

Kakitangan Lee Ting San Lorry Transport Sdn. Bhd.

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Kempen Keselamatan Jalan Raya Berhati-Hati di Jalan Raya Ingatlah Orang Tersayang yang dianjurkan oleh Lee Ting San Group Of Companies anjuran bersama Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Junior Chamber International (JCI) dengan mendapat penajaan juga daripada syarikat-syarikat swasta seperti Volvo Malaysia, Association Of Malaysian Haulier, Benua Haulage Sdn. Bhd., Choo Tian Vehicle Industries Sdn. Bhd., Container Chain Malaysia Sdn. Bhd., Man Truck & Bus (M) Sdn. Bhd., Active Telematic Sdn. Bhd., Kian Hon Tyre Sdn. Bhd. dan Mercedes Benz. Terima kasih kepada penaja dan terima kasih juga kepada Syarikat Autocity kerana sudi menaja tempat untuk program ini diadakan.

Ini merupakan satu usaha 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership*) yang harus kita berikan penghargaan memandangkan kita semua tidak hanya membuat kerja berdasarkan tugas hakiki kita sahaja bahkan juga mengadakan hubungan kerjasama atau partnership yang baik antara agensi kerajaan, sektor swasta untuk kebaikan komuniti. Pada saya usaha seperti ini adalah usaha yang patut

dibanggakan dan saya bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin mengucapkan Tahniah dan Syabas sekali lagi. Tidak hanya mencari keuntungan sebagai sebuah syarikat swasta bahkan juga bijak dalam memberikan pulangan untuk komuniti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Sasaran Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah untuk mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan, mengurangkan kadar kemalangan motosikal, mengurangkan kadar kematian pejalan kaki, mengurangkan jumlah kecederaan parah akibat kemalangan dan secara keseluruhannya adalah mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Kerajaan Negeri mensasarkan pengurangan sebanyak 10% pengurangan kadar kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya. Bagi Negeri Pulau Pinang, pada tahun 2014, sebanyak 38,747 kemalangan yang dilaporkan, 2015 sebanyak 39,856 dan pada tahun 2016 sebanyak 42,244. Saya rasakan data-data ini akan disampaikan dengan lebih tepat dan terkini daripada MKJR dan JKJR.

Salah satu komponen yang terdapat di dalam Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang 2014-2020 adalah perubahan sikap semua pihak berkepentingan. Perubahan sikap semua pihak yang

berkepentingan merupakan faktor paling sukar untuk ditangani. Kajian di seluruh dunia mendapati purata sebanyak 70% punca kemalangan adalah berpunca daripada pemandu itu sendiri.

Sikap positif dalam pemanduan perlu diterapkan agar pemandu sentiasa berwaspada dan mematuhi peraturan di jalan raya, mempunyai sifat bersabar serta sentiasa bertolak ansur agar keselamatan pengguna jalan raya dapat dipastikan. Akhir-akhir ini juga kita banyak dimaklumkan dengan pelbagai berita mengenai kemalangan jalan raya akibat kecuaiannya pemandu di dada-dada akhbar serta televisyen yang mengorbankan pelbagai peringkat umur. Hal ini semestinya tidak akan berlaku sekiranya para pemandu mengekalkan cara pemanduan yang selamat, berhemah dan tidak hanya mementingkan diri sendiri ketika berada di jalan raya.

Pemandu haruslah menitikberatkan pemanduan yang tidak melebihi had laju, melanggar peraturan lampu isyarat, menukar laluan tanpa isyarat serta menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Selain itu, komponen yang terdapat di dalam Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang 2014-2020 adalah menyediakan jalan yang memaafkan atau jalan yang selamat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

MPSP telah melaksanakan pelbagai tindakan bagi menambahbaik keadaan jalan serta aliran lalu lintas bagi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya seperti pelaksanaan jalan sehala, pemasangan lampu isyarat, larangan had kenderaan berat, pembinaan pembahagi jalan serta cadangan-cadangan mengurangkan konflik lalu lintas di persimpangan. Tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan ini adalah bagi memastikan sekiranya berlaku kemalangan, jalan tersebut tidak menyumbang kepada tahap kecederaan atau menjadi penyebab kepada kemalangan jiwa atau kematian.

Selain itu, pelaksanaan greenwave di beberapa jalan di lokasi seperti berikut (i.) Jalan Bukit Tambun bermula daripada persimpangan Plaza Tol Bukit Tambun Utara hingga persimpangan Jalan Tambun Jaya (ii.) Jalan Bukit Minyak bermula daripada persimpangan Jalan Bukit Minyak 2 hingga persimpangan Jalan Perindustrian Bukit Minyak (iii.) Jalan Kebun Nenas bermula daripada persimpangan Jalan Perusahaan hingga persimpangan Jalan Chian heng Khai. Ia bertujuan bagi meningkatkan kelancaran aliran lalulintas dan secara tidak langsung dapat mengurangkan masa kelengahan menunggu lampu isyarat, mengurangkan panjang baris gilir kenderaan di persimpangan dan mengurangkan pencemaran udara.

Bersempena dengan Kempen Keselamatan Jalanraya pada pagi ini, sukalah saya menyeru kepada semua pengguna jalan raya agar mengamalkan pemanduan berhemah, merancang perjalanan dengan sempurna bagi mengelakkan memandu dalam keadaan tergesa-gesa dan memastikan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan. Undang-undang, penguatkuasaan serta penganjuran kempen kesedaran keselamatan jalan raya tidak akan memberikan makna dan kesan sekiranya pengguna jalan raya masih mengamalkan sikap tidak berhemah, tidak berdisiplin dan beretika semasa menggunakan jalan raya. Kita semestinya berusaha gigih untuk menangani masalah keselamatan jalan raya ini. Jika langkah-langkah pencegahan tidak diambil, insiden kemalangan sudah pasti akan terus meningkat setiap tahun.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memberikan sokongan padu terhadap langkah-langkah mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negeri ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kempen ini. Saya berharap dengan taklimat yang diberikan nanti akan memberikan pengetahuan yang lebih kepada pengguna jalan raya. Di kesempatan ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang berasa bangga atas usaha ini dan berharap agar program-program kesedaran dengan penglibatan syarikat-syarikat swasta akan dapat diperbanyakkan lagi. Marilah sama-sama kita berganding bahu untuk mencapai hasrat ***Penang 2030 family***

focused, green and smart state. Penang 2030 dapat dicapai dengan penglibatan semangat rakyat Pulau Pinang. Dengan ini, dengan lafaz bismillahhirahmannirahim, saya merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya Berhati-Hati Di Jalan Raya Ingatlah Orang Tersayang.

Sekian,

***WabillahiTaufikWalHidayah,
WassalamualaikumWarahmatullahiWabarakatuh.***

Terima kasih.